

(letter head)

“MUAFAKAT KEDAH”

Ruj. Kami : (2) dlm.JKN/KED: 24446 Jld.2
Tarikh : 10 Februari 2017

KARIB MAJU ENTERPRISE
No. 79, LORONG TAMBAK BUNGA,
BT. 2 ½, JALAN KUALA KEDAH,
06600 KUALA KEDAH, KEDAH DARULAMAN.
(Nama dan Alamat Kontraktor)

Tuan,

PEMBERITAHUAN PENERIMAAN SEBUT HARGA BIL.....

Sebut Harga untuk : **NAIKTARAF, PEMBAIKAN DAN UBAHSUAI UNIT
PEMBANGUNAN , JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH SERTA LAIN-LAIN
KERJA YANG BERKAITAN**

No. Inden: **JKN/PEMB/2017/1**

Harga : **RM250,000.00**

GST 6% : RM 15,000.00

Tempoh : **12 MINGGU**

Sukacita dimaklumkan bahawa Sebut Harga tuan sebagaimana yang dibutirkan di atas telah disetujuterima oleh Jawatankuasa Sebut Harga JKN Kedah.

2. Bersama-sama ini disertakan Borang Perjanjian Inden Kerja bernombor **JKN/PEMB/2017/1**.
3. Sila ambil perhatian bahawa tempoh siap kerja tuan selama **Dua Belas (12)** minggu adalah bermula dari **23/2/2017** sehingga **18/5/2017**.
4. Sebelum tuan memulakan kerja, tuan adalah dikehendaki mengemukakan perkara berikut:
 - (a) Nombor Pendaftaran dengan PERKESO
 - (b) Polisi Insurans Liabiliti Awam (iaitu insurans terhadap bencana kepada orang-orang dan kerosakan kepada harta), nilai insurans tidak kurang daripada **RM100,000.00** bagi setiap kemalangan. Tempoh insurans hendaklah sekurang-kurangnya dari tarikh **23/2/2017** hingga **1/9/2018**. (meliputi tempoh kontrak, tempoh tanggungan kecacatan dan 3 bulan 14 hari selepasnya).

Ruj. Kami : (2) dlm.JKN/KED: 24446 Jld.2
Tarikh : 10 Februari 2017

- (c) Polisi Insurans Kerja **RM265,000.00**
- (d) Bon Pelaksanaan bernilai **RM 13,250.00** dalam bentuk Jaminan Bank, Jaminan Syarikat Kewangan, Jaminan Insurans atau Jaminan Takaful.

5. Kegagalan tuan mematuhi Syarat-syarat Sebut Harga untuk memulakan Kerja akan menyebabkan Inden ini dibatalkan. Selanjutnya pejabat ini akan mengesyorkan kepada pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan³ agar tindakan diambil terhadap tuan.

6. Tuan adalah dinasihatkan supaya berhubung dengan **Jurutera/ Penolong Jurutera/ Pegawai Penyelia** untuk mendapatkan keterangan lanjut mengenai kerja ini.

7. Sila kembalikan Borang Perjanjian Inden Kerja Asal dan Invois (jika berkenaan) ke Pejabat ini setelah Kerja disiapkan.

8. Surat ini dihantar kepada tuan dalam dua salinan. Sila turunkan tandatangan tuan dan mengembalikan salinan asal yang telah disaksikan dengan sempurna, untuk pemakluman pejabat ini dalam tempoh empat belas (14) dari tarikh surat ini.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MUAFAKAT KEDAH”

Saya yang menurut perintah,

(AIDA JASMIN BINTI MD. JAMIL)

Ketua Jurutera Negeri
b.p Pengarah Kesihatan Negeri
Jabatan Kesihatan Negeri
s.k.:

1. Unit Pembangunan, JKN Kedah
2. Pengarah Bahagian,
Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (PKK)
3. Ketua Penolong Setiausaha,
Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Cawangan Negeri
Kedah/Perlis (CIDB)
4. Ketua Eksekutif/Ketua Pengarah, Jabatan Hasil Dalam Negeri

¹ Pengiraan kadar liputan untuk Polisi Insurans Tanggungan Awam adalah berasaskan Harga dalam Borang Perjanjian Inden (termasuk GST sekiranya Kontraktor berdaftar GST).

² Nilai Bon Pelaksanaan adalah 5% daripada Harga dalam Borang Perjanjian Inden (termasuk GST sekiranya Kontraktor berdaftar GST).

3 Keluarkan 'Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan' jika penyebut harga bukan kontraktor Bumiputera.
Ruj. Kami : (2) dlm.JKN/KED: 24446 Jld.2
Tarikh : 10 Februari 2017

Dengan ini yang bertandatangan di bawah ini mengaku penerimaan surat di atas dan salinannya telah disimpan.

.....
Tandatangan Kontraktor	Tandatangan Saksi
(Nama Penuh.....)	(Nama Penuh.....)
No. Kad Pengenalan.....	No Kad Pengenalan.....
Atas Sifat.....	
Pekerjaan.....	

Diberikuasa dengan sempurnanya untuk menandatangani untuk dan bagi pihak
Alamat.....
.....
.....
.....

Cop Kontraktor	
Tarikh.....	Tarikh.....